BULETIN

FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

EDISI II 2026



HUBUNGI KAMI :

fpnuitmn9s3

https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3

Dalam Doa dan Reda

Fatimah Alwi[1], Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin[2] dan Nor Hayati Md Nor[3]
[1] Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah
[2] Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat
[3] Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam

Kalau aku tutup mata dan ingat balik, rasa macam baru semalam semuanya berlaku. Lahir dengan seberat 3.25 kilogram, lalu kusakat dia sebagai 'Budak Tiga Suku'. Sekarang, sudah tiba masanya dia disunting menjadi isteri orang.

"Betul ke kita nak buat besar macam ni?" tanya suamiku satu malam, sambil tengok senarai jemputan yang makin panjang.

Aku diam sekejap, lepas tu jawab perlahan.

"Sorang aje anak perempuan kita ni, bang. Saudara mara kita pun ramai. Lagi pun abang mesti nak jemput ramai kawan-kawan abang. Kawan sekolah menengahlah, kawan masa universitilah, kawan kat pejabatlah."

Ayat itu terus membuat suamiku senyap. Ya, Arifah anak perempuan tunggal kami. Majlis Arifah ni majlis yang pertama buat kami. Dengan pengalaman yang sifar, juga kesihatan dan tenaga kerja yang terhad, kami teruskan juga berpandukan pengalaman abang kakakku dan perkongsian netizen di media sosial.

Perkara pertama yang kami buat setelah tarikh kenduri dipilih ialah mencari lokasi majlis. Selain daripada lokasi yang mampu milik dan menyajikan makanan yang enak, lokasi majlis harus ada penginapan di tempat yang berhampiran memandangkan ramai saudara mara dan sahabat handai kami dari negeri lain. Tarikh majlis pula jatuh pada cuti umum. Jadi kalau boleh, lokasi majlis juga perlu hampir dengan susur keluar tol untuk mengurangkan masa terperangkap di dalam kesesakan lalulintas. Dengan itu, *Felda Residence Hot Springs* Sungkai dipilih menjadi lokasi majlis. Bonus pada kami, lokasi ini juga ada panorama semulajadi yang indah untuk sesi bergambar.



Selepas lokasi dipilih dan ditempah, barulah realiti sebenar bermula.

Walaupun adik-beradik kami ramai dan sudi membantu, tapi semuanya jauh di Selangor, Kuala Lumpur dan Kedah. Jadi, bukan boleh aku panggil datang tolong buat persiapan tiap minggu. Anak-anak lelakiku pula sibuk kerja atau belajar. Tinggallah aku dengan suami.

Itu pun bukan versi terbaik kami.

Aku dengan kaki yang pernah patah dulu—kadang-kadang kalau berdiri atau berjalan terlalu lama, terasa sengalnya. Suami pula baru lepas pembedahan *slip disc*. Ada hari dia akan terbaring lama menahan sakit. Di sebabkan tak boleh buat kerja berat sangat, kami buat satu strategi—buat sikit-sikit. Tak kejar. Tak paksa diri terlalu laju. Setiap minggu, satu dua benda selesai. Perlahan-perlahan tapi jalan.

Seperkara lagi hidup di zaman teknologi, kubiarkan jariku menari-nari di skrin telefon pintar atau menggenggam kemas tetikus komputer riba mencari maklumat buah tangan tetamu, juruacara majlis, dan jurugambar. Tetapi dengan banyak kes penipuan, aku jadi takut-takut berani.

“Eh betul ke ni? Bukan penipu, kan?” aku cakap sorang-sorang.

Akhirnya aku buat satu peraturan sendiri—kalau akaun media sosial dia hidup, banyak komen, nampak dia buat *job* sana-sini, barulah aku berani berurusan. Zaman sekarang ni, kena pandai tapis. Silap-silap, duit melayang. Lagi sedih, majlis kucar kacir.

Tapi benda yang aku paling fikir lama ialah buah tangan untuk para tetamu.

“Apa nak bagi eh?” aku tanya pada Arifah.

“Simple pun tak apa, mak.”

Tapi aku dan suami ni jenis tak boleh kalau tak fikir betul-betul. Kami nak benda yang orang guna. Bukan yang letak tepi lepas balik. Kami tak nak barang yang berat. Nanti tak larat nak angkat dari rumah ke dewan. Kami juga tak mahu barang yang mudah pecah. Nanti susah nak urus. Kami tak mahu guna makanan sebagai buah tangan tetamu sebab ada tempoh hayat.

Akhirnya kami memilih tuala muka. Ringkas tapi berguna. Aku beli saja dari Shopee dalam kuantiti yang sedikit untuk melihat kualitinya dahulu. Senang juga kerana barang terus sampai di rumah. Bila sampai, aku pegang satu-satu.

“Okaylah ni. Orang boleh guna. Kualitinya pun bagus.”

Aku cakap dalam hati. Lega hati aku bila pembelian secara pukal selamat sampai.

Bab pembahagian tugas pun kami buat awal-awal. Aku senaraikan semua perkara yang perlu diuruskan lengkap dengan orang yang bertanggungjawab dan *deadline* sekali. Nampak macam tersusun, kan? Hakikatnya, dalam kepala aku, memang berserabut. Ada hari aku bangun pagi dengan rasa berdebar.

“Cukup ke semua ni…?”

“Terlepas apa-apa tak…?”

Soalan tu berulang-ulang dalam kepala. Sampailah hari majlis. Awalnya aku ingat semuanya akan jadi kelam-kabut, tapi rupanya tidak. Adik-beradik, anak-anak saudara—walaupun jauh—bila hari majlis, masing-masing turun padang membantu. Ada yang mengurus tetamu, ada yang menjaga bahagian hidangan, ada yang mengurus *flower girls* semasa pengantin berarak masuk. Tiba-tiba rasa ringan sikit beban di bahu aku.



Juruacara majlis kami, Syasya dan suaminya, Azzim, pun banyak membantu. Azzim bukan sekadar menghidupkan majlis dengan pilihan lagu-lagu yang sesuai; dia juga mengawal perjalanan majlis. Dari perarakan masuk pengantin, susunan acara, sampai ke makan beradab—semua dia pegang dengan tenang. Syasya pula bijak berkata-kata, menyerikan majlis persandingan. Ada masanya dia berjaya membuat hadirin rasa sebak dan ada masanya tertawa gembira. Jurugambar pula, Cikgu Azhar pun bijak menceriakan suasana setiap kali merakamkan detik-detik istimewa.

Penat? Memang penat. Tapi aku tak jangka badan aku tebus semua usaha aku. Seminggu sebelum dan selepas majlis, *vertigo* datang menyapa. Hari kenduri tu pun aku buat-buat kuat. Tangan kanan bersalaman meraikan tetamu hadir, tangan kiri curi-curi pegang meja supaya aku tak tumbang.

Masa tu baru aku sedar—"Aku dah *push* diri terlalu jauh."

Bila semuanya dah selesai, aku duduk diam sekejap. Rumah sunyi semula. Aku memandang suami dan berkata perlahan.

"Alhamdulillah dah selesai. Kita tunggu majlis kat tempat pengantin lelaki pulak."

Dia senyum saja.

Kalau tanya aku, puas hati ke? Ya. Sangat. Walaupun penat, walaupun hampir tumbang—aku tetap rasa berbaloi. Tapi kalau ada lagi anak-anak kami yang lain nak kahwin, kami akan cakap awal-awal, "Kita buat kecil-kecilan sajalah." Bukan sebab tak mampu atau pilih kasih, tapi sebab sekarang kami lebih kenal kemampuan diri.

Apa pun, pengalaman ni memang aku akan ingat sampai bila-bila. Dari rasa takut hingga penat dan lega, semuanya ada dalam satu cerita. Cerita kami sebagai mak ayah yang membuat yang terbaik untuk anak perempuan kami—dengan cara kami sendiri.